

15/10/1999

## Pertarungan hebat McLaren Mercedes-Ferrari di Sepang

GRAND Prix Malaysia Petronas bakal menyaksikan pertarungan hebat di antara pasukan McLaren Mercedes dan Ferrari, bukan sahaja untuk merebut gelaran pemandu dunia, malah bersaing menentukan pengeluar paling cemerlang musim ini.

Ketika semua pasukan tidak mempunyai sebarang data mengenai penyediaan casis bagi Litar F1 Sepang, kedua-dua pasukan sibuk mencari strategi terbaik untuk menghadapi perlumbaan Ahad ini bagi memastikan kemenangan dan berharap tidak perlu menanti sehingga Grand Prix Jepun untuk menentukan juara.

Ketika ini, juara bertahan, Mika Hakkinen, sedang mendahului kedudukan dengan mengumpul 62 mata, diikuti pemandu pasukan Ferrari, Eddie Irvine, dengan 60 mata.

Yang pasti, pertarungan sengit akan meletus di antara Hakkinen dan Irvine, yang masing-masing memenangi empat dan tiga Grand Prix sebelum ini.

Hakkinen boleh memastikan gelaran kekal dalam genggamannya dengan syarat memenangi tempat pertama di Litar F1 Sepang dan mengharap Irvine menamatkan perlumbaan tidak lebih dari tempat kelima.

Irvine dan pasukan Ferrari dari Itali merasakan perlumbaan hujung minggu ini ialah misi genting dalam usaha mereka untuk merampas gelaran pemandu dan anugerah pengeluar daripada McLaren.

Ferrari kini ketinggalan lapan mata di belakang McLaren dalam kedudukan anugerah pengeluar.

"Tidak mungkin saya atau Mika mahu mensia-siakan peluang kami. Saya ada peluang terbaik untuk meraih kemenangan," kata Irvine, 33.

Kehadiran semula juara dunia dua kali, Michael Schumacher, menambah kemeriahan perlumbaan sulung sukan motor paling berprestij itu di Malaysia. Namun, dia tidak dapat mengelak daripada membantu Irvine untuk muncul juara.

Schumacher, 30, yang kembali selepas pulih daripada kemalangan dan kini hanya mempunyai 32 mata, akan berperanan sebagai pengacau untuk membantu Irvine.

"Saya mahu mendapat mata yang banyak untuk pasukan dan sekiranya saya berada di depan, saya akan biarkan Eddie memintas saya," kata Schumacher, yang hadir di Litar F1 Sepang semalam dengan ditemani isterinya, Corrina.

Dia tidak berlumba dalam enam Grand Prix selepas kakinya patah dalam kemalangan ketika perlumbaan di Silverstone pada 11 Julai lalu.

Sekiranya Schumacher berupaya beraksi cemerlang, dia berada dalam kedudukan terbaik untuk meranapkan peluang Hakkinen daripada mencatat kemenangan di atas litar sepanjang 5.542 kilometer itu.

Irvine pula yakin untuk merampas semula kedudukan tempat teratas dan meraih sebanyak mungkin mata sebagai bekalan ke Jepun.

Kini, Irvine dilayan sebagai pemandu nombor satu menggantikan Schumacher dan untuk menunjukkan bahawa mereka serius dalam persiapan, pasukan itu membawa empat kereta Ferrari F399 V10 ke Malaysia.

Pengarah Sukan Ferrari, Jean Todt, berkata prestasi kereta itu sudah dipertingkatkan dan berupaya memberikan persaingan lebih cemerlang.

Namun, enjin MP4/14-Mercedes V10 sekian lama dianggap enjin paling berkuasa di kalangan 11 pasukan yang bertarung dalam Formula Satu.

Hakkinen menjelaskan kemahirannya ialah ketika berada di laluan lurus dan Litar F1 Sepang berupaya memberikan ruang sedemikian.

Rakan sepasukannya, David Coulthard, yang kini menduduki tempat keempat dengan 48 mata, turut tidak terkecuali untuk Hakkinen mencapai impian bergelar juara untuk kali kedua berturut-turut.

Ketika tumpuan diberikan kepada Hakkinen dan Irvine, kelibat pemandu lain tidak boleh diketepikan begitu sahaja dalam Grand Prix Malaysia Petronas.

Johnny Herbert dari pasukan Stewart Ford, pemandu Jordan, Heinz Harald Frentzen, dan Ralf Schumacher yang memandu Williams Supertec mampu membuat kejutan.

Pasukan Sauber-Petronas yang menurunkan Jean Alesi dan Pedro Diniz juga tidak mahu ketinggalan untuk mempamerkan aksi terbaik bagi menceriaikan peminat tempatan.

Sesi latihan akan berlangsung hari ini sebelum sesi kelayakan rasmi esok bagi menentukan petak perlumbaan. Perlumbaan sebenar Ahad ini akan membabitkan 56 pusingan bermula pada jam 2 petang.

Selain perlumbaan utama, perlumbaan sokongan seperti Silverstone MBM-Zaifa dan Proton turut diadakan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pencetus utama bagi Grand Prix Malaysia Petronas, akan merasmikan perlumbaan pada pagi Ahad.

(END)